

ABSTRAK

Ghazali bin Saad, no. pendaftaran, IGBY 01126: "*Pendidikan Remaja Muslim: Kajian Tentang Sejarah dan Pelaksanaannya di Ma'had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis*"

Remaja hari ini adalah pemimpin generasi akan datang. Masa hadapan generasi akan datang bergantung kepada baik buruknya remaja hari ini. Oleh itu pendidikan sahsiah remaja muslim adalah penting dan tidak boleh diabaikan oleh para ibu bapa, pendidik dan pemimpin. Dengan kemaraan gejala sosial sebagai kesan sampingan perkembangan budaya Barat, pendidikan remaja Muslim menjadi semakin penting agar mereka memiliki keimanan yang mendalam, kefahaman Islam yang sahih dan akhlak yang terpuji. Kesemua ini akan membentuk remaja yang mempunyai ketahanan dalaman untuk menghadapi gejala tersebut.

Kajian ini memberi tumpuan kepada sebuah institusi pendidikan Islam yang memainkan peranan penting dalam bidang pendidikan di negeri Perlis Indera Kayangan iaitu Ma'had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis. Kajian tentang sejarah dan pelaksanaan pendidikan remaja muslim di sekolah berkenaan dilihat sebagai sesuatu yang penting kerana pengalaman pelaksanaannya boleh dijadikan panduan dan iktibar bagi institusi pendidikan Islam yang lain.

Sebagai memenuhi keperluan kajian ini, penulis telah mengadakan penyelidikan di beberapa buah perpustakaan dan laman web, mengadakan pemerhatian, soal selidik temubual dan mendapatkan maklumat melalui pengisian borang maklumat. Secara keseluruhan, penulis mendapati:

- (i) Sekolah tersebut telah berjaya dalam menyemai kesedaran dan kefahaman Islam di kalangan pelajarinya melalui pelbagai program pendidikan yang merangkumi semua fakulti insan; rohani, emosi, akal dan jasmani.
- (ii) Sekolah ini juga telah berjaya membentuk sahsiah pelajarinya melalui program-program pendidikan yang menekankan penyemaian keimanan, kesedaran dan kefahaman Islam dan akhlak yang terpuji.
- (iii) Sekolah ini masih mempunyai ruang yang perlu diperbaiki dalam aspek pendidikan kepimpinan untuk mengasah bakat kepimpinan pelajar sebagai persediaan untuk mereka memainkan peranan penting pada masa hadapan.

Sebagai kesimpulan, adalah diharapkan agar kajian ini dapat membantu institusi pendidikan Islam yang lain untuk:

- (i) Mengenalpasti dan memanfaatkan kekuatan dan peluang yang ada serta mengatasi masalah dan ancaman yang mereka hadapi.
- (ii) Memberi saranan tentang metode pelaksanaan pendidikan remaja dalam menghadapi cabaran semasa dan akan datang.
- (iii) Mengambil panduan dan iktibar daripada pengalaman yang telah dilalui oleh Ma'had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis dalam proses pelaksanaan pendidikan tersebut.

ABSTRACT

Ghazali bin Saad, registration no., IGBY 01126: *"The Education of Muslim Adolescents: A Study of its History and Implementation at Ma'had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis."*

Today's adolescents are leaders of the coming generation. The future generation depends on the upbringing of today's adolescents. Therefore, the character development of muslim adolescents are of prime important and shouldn't be neglected by parents, educators and leaders. With the widespread of social maladies resulting from the impact of western culture, the education of muslim adolescents become more and more important so that they will achieve strong faith, pure understanding of Islam and good moral values which will inculcate in them the inner strength when encountering such social maladies.

This study focuses on a particular Islamic institution which plays an important role in propagating Islamic education in Perlis, that is Ma'had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis. The study on the history and implementation of muslim adolescents' education in this school is seen as crucial as it's experience could be taken as a guide for other Islamic institutions of learning.

As a requirement for this study, the writer had carried out researches in libraries and websites, observations, interviews, and gather informations with the use of information forms and questionnaires. Overall, the writer had found that:

- (i) The school had succeeded in imparting the Islamic awareness and knowledge among it's students through various educational programmes and activities focusing on all the human faculties; spritual, mental, emotional and physical.
- (ii) The school had also succeeded in building good character among it's students through programmes and activities which emphasized on the inculcation of faith, Islamic awareness and understanding as well as good moral values.
- (iii) The school has yet to give more attention to programmes and activities which could help in realizing the leadership potentials among it's students in order to prepare them for future roles in the development of the society and country.

To summarise, it is hoped that this study would help other Islamic institutions of learning to:

- (i) Define and make full use of their strengths and opportunities, solve their weaknesses and face the threats in the context of the muslim adolescents' education and development.
- (ii) Suggest methods for the implementation of muslim adolescents' educational programmes in combating present and future challenges.
- (iii) Obtain guide-lines and lessons from the experiences gathered by Ma'had Attarbiyah Al-Islāmiyah, Beseri, Perlis.

خلاصة البحث

غزالي بن سعد، رقم التسجيل IGBY 01126: " تربية المراهق المسلم: بحث تاريخي وتطبيقي في معهد التربية الإسلامية، بسري، فرليس."

لا شك أن مراهقو اليوم هم قادة المستقبل، وعلى هذا الأساس فتربية شخصية المراهق المسلم مهمة جداً، ولا ينبغي أن يهمل الآباء والمربون والزعماء تربية أولادهم، إلى أن يصبحوا ضحايا المشكلات الاجتماعية الناتجة من تقليد المراهقين للحضارة الغربية، وأصبحت تربية المراهق المسلم أكثر أهمية لبناء العقيدة الراسخة القوية، والفهم الدقيق للدين، والتخلق بأخلاق إسلامية متينة لكي يستمد منها المراهق قوته الداخلية، وهي قوة الإيمان الثابتة في القلب والتي تشعر المراهق بمسئوليته الدينية والدنيوية والتي تكون له عوناً ليواجه بها هذه المشكلات الاجتماعية المتنوعة.

هذا البحث يركز على الناحية التاريخية لتربية المراهقين المسلمين، وتطبيق ذلك في مؤسسة تربوية إسلامية، تلعب دوراً مهماً في مجال التربية الإسلامية بفرليس، وهذه المؤسسة هي معهد التربية الإسلامية، بسري، فرليس. إن هذا المعهد قد مر على تجارب كثيرة ومهمة جداً في مجال تربية المراهقين، ومن الممكن جداً أن يأخذ كل من يريد أن يشتغل في مجال تربية المراهقين كقدوة ونموذج له يستفيد من تجاربه في القيام بواجبه.

وفي سبيل إكمال هذا البحث قد بحثت في مكنتات كثيرة، وقمت بتوزيع الاستبيانات، وجمع المعلومات المتعلقة بالبحث، وكانت النتيجة:

- أ- أسس هذا المعهد لغرس الوعي والفهم الإسلامي الصحيح في نفوس طلابه، وذلك من خلال برامج تربوية متنوعة شاملة لجميع جوانب حياتهم: الروحية، والعقلية، والشعورية، والجسمانية.
- ب- لقد نجح هذا المعهد في بناء شخصية طلابه إلى حد كبير من خلال برامج التربية، وتمثل هذا النجاح في إيمان طلاب هذا المعهد ووعيهم وفهمهم الصحيح للإسلام وأخلاقهم الطيبة المتينة.
- ج- إن هذا المعهد لا يهدف إلى تخريج القادة بالضرورة، وإنما يحاول أن يري الشباب المراهقين تربية كاملة ليكونوا أعضاء فعالة في مجتمعهم يؤدون واجبهم، ويقومون بمسئولياتهم خير قيام.

واختصاراً للقول يهدف هذا البحث المتواضع إلى أن يساعد بعض القائمين بأمر مؤسسات تربوية إسلامية أخرى في:

- أ- يعرفهم بمواضع قوتهم وضعفهم والتحديات حولهم في تربية المراهقين، وفرص القضاء على تلك التحديات.
- ب- يعرفهم بأخذ خطوات وأساليب مناسبة في تطبيق برامج تربية المراهقين ومحاربة التحديات الموجودة أمامهم.
- ج- يشجعهم ليأخذوا هذا المعهد قدوة لهم، ويستفيدوا من تجارب أهلها التي استغرقت سنوات ليست بقليلة.